

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

TARIKH : 20 Mac 2014 (Khamis)

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan perkembangan Program Transformasi Ekonomi atau ETP dalam mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi serta menaikkan pendapatan rakyat dan negara.

JAWAPAN:

Program Transformasi Ekonomi (ETP) bertujuan untuk memacu ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi, merancakkan pelaburan swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, serta mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi. Jumlah projek permulaan atau "Entry Point Project (EPPs)" pada 31 Disember 2013 adalah **196** (lonjakan daripada 131 EPPs semasa ETP bermula pada tahun 2010), dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM219.3 bilion** sehingga tahun 2020. Peluang pekerjaan sebanyak **437,816** sehingga tahun 2020 telah juga diwujudkan sehingga kini. PNK per kapita semakin meningkat daripada USD7,059 pada tahun 2009 kepada **USD10,060** pada tahun 2013, iaitu